



Jejak Asnaf Kembali ke Sekolah Bantu Pelajar Susah

Seramai 34 pelajar sekolah menerima sumbangan kelengkapan sekolah melalui Program Jejak Asnaf: 'Kembali ke Sekolah' anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education (UAE) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) pada 16 Disember 2015 yang lalu.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyudin Ismail berkata, program bantuan persekolahan itu merupakan inisiatif yang memasuki kali kedua pada tahun ini bertujuan untuk meringankan bebanan keluarga asnaf dan fakir miskin yang mempunyai anak yang akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi.

"Program ini adalah lanjutan daripada Jejak Asnaf yang dijalankan pada bulan Ramadan lalu dengan menyampaikan sumbangan kepada penerima yang dikenal pasti sekitar Kuantan dan Pekan.

"Pada masa itu program lebih memfokuskan keperluan kepada keluarga yang memerlukan bagi sambutan hari raya," katanya.

Namun pada kali ini, pihaknya lebih memfokuskan kepada anak-anak Asnaf dan anak yatim di sekolah rendah dan menengah untuk penyediaan keperluan sekolah yang antaranya termasuklah pakaian, kasut sekolah, dan alat tulis.

Beliau mengharapkan menerusi sumbangan ini dapat menyuntik semangat anak-anak ini untuk memulakan sesi persekolahan yang akan

menjelma tidak lama lagi dan dapat belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga meraih kejayaan suatu hari nanti.

Malahan beliau bercadang untuk menganjurkan program sebegini setiap tahun agar dapat membantu golongan yang memerlukan. Menerusi inisiatif MyGift UMP, universiti sentiasa mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni, individu serta badan-badan korporat sama ada dalam mahupun luar negara bagi menyokong pembudayaan aktiviti kesukarelawanan.

MyGift UMP merupakan satu usaha mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi tujuan tajaan pelajaran, peningkatan mutu pelajaran yang sedia ada, memperkasakan program-program Islamik dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan.

Sementara itu, Pengurus Kanan Unit Pembangunan Bisnes, UAE Rosilavi Mat Jusoh berkata, pihaknya sentiasa menyokong inisiatif UMP dalam menjayakan program kesukarelawanan dan menerusi khidmat sosial (CSR).

Selain itu, UAE sebagai anak syarikat UMP dalam membangunkan dan menawarkan program berbentuk professional dan pembelajaran sepanjang hayat turut menyumbang bantuan dalam menjayakan program Jejak Asnaf kembali ke sekolah ini.

Salah seorang penerima sumbangan iaitu Farah Riana Ashila Ahmad Pauzi, 12, yang merupakan anak yatim piatu akibat kehilangan ibunya disebabkan kanser payudara manakala ayahnya meninggal tahun lalu akibat kanser hati tahun lalu turut menerima bantuan.

Beliau yang tinggal bersama abangnya Mohd Ridhwan di Bukit Rangan melahirkan ucapan terima kasih dengan sumbangan yang diberikan oleh UMP. Dalam program ini sukarelawan UMP yang terdiri daripada staf PIMPIN, UAE dan Persatuan Matahari turut berpeluang bermesra dan menjamu selera bersama keluarga dan anak-anak yang menerima manfaat ini.